

Kerajaan timbang stesen televisyen swasta

KAJANG, Rabu — Kerajaan akan mengkaji cadangan Kementerian Penerangan untuk membenarkan penubuhan sebuah lagi stesen televisyen swasta untuk beroperasi di kawasan Lembah Klang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan juga akan mengkaji cadangan memperbadan atau menswastakan TV Pendidikan.

Menurutnya, beliau perlu berbincang dengan Kabinet terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan.

"Saya perlu berbincang dan mendengar pendapat rakan-rakan lain dalam kabinet," katanya kepada pemberita selepas menghadiri hari terbuka anjuran Pemaju Perumahan Country Heights Sdn Bhd, di sini hari ini.

Perdana Menteri menegaskan demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat yang akan mencadangkan kepada kerajaan supaya membenarkan penubuhan sebuah lagi stesen televisyen swasta.

Buat masa ini, hanya sebuah stesen TV swasta iaitu TV3 yang beroperasi di negara ini.

Sebelum itu, Datuk Mohamed memberitahu pemberita, kementerian akan mengemukakan cadangan itu di samping cadangan memperbadan atau menswastakan TV Pendidikan.

Beliau berkata, cadangan itu perlu berikutan peningkatan industri maklumat dan komunikasi di negara ini, khususnya di Lembah Klang.

"Secara peribadi saya tiada halangan dengan penubuhan sebuah lagi stesen televisyen swasta. Sebelum ini kerajaan menolak permohonan sebuah syarikat untuk menubuhkan stesen televisyen keempat, kerana ketika itu ia belum diperlukan lagi," katanya.